

Anwar yakin kepemimpinan Anutin pulih demokrasi Thailand

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menekankan kepemimpinan rakan sejawatnya dari Thailand, Anutin Charnvirakul akan memainkan peranan penting ketika negara itu memasuki fasa baharu dalam perjalanan demokratiknya.

Anwar turut mengucapkan tahniah kepada Anutin atas pelantikan dan menganggap Thailand mempunyai peranan penting dalam menegakkan kestabilan serantau di ASEAN.

“Setinggi-tinggi tahniah kepada Perdana Menteri Anutin Charnvirakul kerana dipilih menerajui Thailand pada masa penting ini.

“Malaysia berharap untuk meneruskan kerjasama erat dalam membangunkan sempadan yang dikongsi, memajukan perdagangan dan meningkatkan kebajikan rakyat,” katanya menerusi hantaran di Facebook, semalam.

Pelantikan Anutin, 58, dilihat detik penting bagi Thailand dalam usaha memperkukuh sistem politik serta menyumbang kepada kestabilan rantau ini.

Terdahulu, Anwar menerusi hantaran di Facebook, memaklumkan beliau menzahirkan ucapan tahniah kepada Anutin menerusi panggilan telefon, lewat petang kelmarin.

“Saya juga menzahirkan kegembiraan kerana beliau sahabat lama yang sentiasa bersama saya sewaktu susah dan senang.

“Saya turut menjemput beliau mengadakan lawatan kerja ke Malaysia dalam masa terdekat bagi membincangkan isu penting termasuk pengukuhan hubungan dua hala, selain perkembangan di sempadan Thailand-Kemboja serta kerjasama ASEAN,” katanya.